

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 56

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan usaha melestarikan FELDA dicapai sepertimana yang terkandung dalam kertas Putih FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan Model FELDA Baharu yang terdiri daripada wakil kementerian dan agensi Kerajaan serta NGO yang berkaitan bagi memastikan usaha melestarikan FELDA seperti yang terkandung dalam Kertas Putih tercapai. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyelaras dan memantau strategi penambahbaikan serta lima (5) program dan projek utama yang dirangka di bawah Model FELDA Baharu berdasarkan peruntukan RM 6.23 bilion yang akan disalurkan secara berperingkat sehingga 2025.

2. Di samping itu, sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwat Ekonomi dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah ditubuhkan secara usahasama strategik bagi memastikan objektif Program Pembangunan Peneroka (PPP) Bagi Hasil

SOALAN NO : 56

Baharu tercapai. Melalui kerjasama ini, peneroka digalakkan untuk menceburkan diri dalam aktiviti pertanian dan ternakan yang menggunakan teknologi baharu seperti '*smart farming*' dan '*precision agriculture*'. Strategi ini dijangka dapat mengurangkan kebergantungan peneroka kepada hasil sawit serta meningkatkan pendapatan.

Sekian, terima kasih.